



NOTIS PRIVASI



Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“APDP”)

Selaras dengan APDP, Kumpulan AmBank komited untuk melindungi dan menjaga Data Peribadi pelanggan apabila mereka melakukan sebarang transaksi komersial dengan Kumpulan AmBank.

Berikut ialah definisi bagi terma-terma yang digunakan dalam keseluruhan Notis Privasi ini.

- **Kumpulan AmBank** merujuk kepada AMMB Holdings Berhad dan semua anak syarikat dan syarikat bersekutunya termasuk tetapi tidak terhad kepada AmBank (M) Berhad, AmBank Islamic Berhad, AmlInvestment Bank Berhad, AmFunds Management Berhad, AmFutures Sdn Bhd, Amlslamic Funds Management Sdn Bhd, AmCards Services Berhad, AmMetLife Insurance Berhad dan AmMetLife Takaful Berhad.
- **Data Peribadi** merujuk kepada sebarang maklumat berkaitan transaksi komersial yang sedang diproses dan direkodkan yang berkait secara langsung atau tidak langsung dengan satu Subjek Data, yang dikenal pasti atau dapat dikenal pasti daripada maklumat tersebut. Ini termasuk sebarang Data Peribadi Sensitif dan pernyataan pendapat mengenai Subjek Data tetapi tidak termasuk sebarang maklumat yang diproses bagi tujuan perniagaan pelaporan kredit yang dijalankan oleh agensi pelaporan kredit di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010. Contoh Data Peribadi termasuk nama, kad pengenalan atau nombor pasport, alamat, pekerjaan, butiran hubungan, butiran akaun atau maklumat kewangan pelanggan.
- **Data Peribadi Sensitif** merujuk kepada sebarang Data Peribadi yang mengandungi maklumat berkaitan kesihatan atau keadaan fizikal atau mental anda, pendapat politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang seumpamanya, data biometrik, pelakuan atau dakwaan pelakuan kesalahan jenayah, atau mana-mana Data Peribadi lain yang ditentukan oleh Menteri.
- Kecuali ditakrifkan dengan nyata di sini dan di mana konteks memerlukan, semua ungkapan yang berhuruf besar hendaklah mempunyai makna yang sama seperti yang ditentukan kepadanya dalam APDP.

Tujuan Mengumpul Data Peribadi

Dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya, Kumpulan Ambank mungkin dikehendaki memproses Data Peribadi pelanggan untuk mana-mana tujuan yang berikut:

- (a) Penilaian ke atas kelayakan atau kesesuaian pelanggan untuk produk-produk Kumpulan Ambank yang dipohon dan pengesahan identiti atau kedudukan kewangan melalui semakan rujukan kredit;
- (b) Menjalankan pengesahan biometrik untuk tujuan pengesahan identiti dan pengesahan apabila pelanggan memohon atau mengakses produk atau perkhidmatan Kumpulan AmBank, dan untuk mematuhi keperluan ‘Know Your Customer’ (“KYC”) yang berkenaan dan mewajibkan pengesahan identiti;
- (c) Pemberitahuan dan/atau kemas kini tentang ciri-ciri baharu atau pembangunan produk dan perkhidmatan;
- (d) Pertandingan, promosi, kempen, tawaran dan sebagainya daripada Kumpulan Ambank atau rakan-rakan kongsi perniagaan pihak ketiga yang telah disertai oleh pelanggan;
- (e) Pengurusan dan penyenggaran akaun termasuk pengemaskinian berkala, konsolidasi dan menambah baik ketepatan rekod;
- (f) Penyelidikan, penanda aras, dan tujuan-tujuan analisis untuk memahami dengan lebih baik tentang keperluan kewangan/pelaburan semasa dan masa hadapan serta untuk pembangunan dan penambahbaikan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kumpulan AmBank;
- (g) Analisis ke atas keutamaan, interaksi dan corak penggunaan anda bagi memberikan anda pengalaman serta tawaran yang disesuaikan dan diperibadikan kepada anda;
- (h) Mengurus dan mengelakkan hubungan anda dengan kami;
- (i) Penguatkuasaan hak-hak Kumpulan Ambank untuk mendapatkan semula sebarang hutang, termasuk pemindahan atau penyerahan hak, kepentingan dan obligasi;
- (j) Sebarang tujuan lain yang perlu, berkaitan atau bersampingan dengan pembekalan, pembangunan, peningkatan atau penambahbaikan produk dan perkhidmatan Kumpulan AmBank, atau operasi perniagaan biasanya; dan
- (k) Sebarang tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, standard, garis panduan dan/atau oleh badan-badan penguatkuasa yang berkaitan.

Sumber-Sumber Data Peribadi

Kumpulan AmBank mungkin mengumpul atau mendapatkan Data Peribadi daripada sumber-sumber berikut:

- (a) Maklumat yang diberikan dalam borang permohonan apabila menggunakan produk atau perkhidmatan Kumpulan Ambank, apabila melakukan transaksi akaun, apabila menggunakan perkhidmatan dalam talian atau elektronik, apabila mengambil bahagian dalam kaji selidik pelanggan, pertandingan, promosi dan semasa semakan prestasi kewangan;

NOTIS PRIVASI



- (b) Komunikasi lisan, bertulis dan/atau elektronik dengan Kumpulan Ambank atau ejen-ejennya yang sah;
- (c) Pihak-pihak ketiga yang berkait dengan pelanggan seperti majikan mereka, pemegang akaun bersama, penyedia keselamatan dan penjamin, lain-lain rakan kongsi dalam sebuah perkongsian atau melalui pelanggan korporat atau penyedia keselamatan korporat Kumpulan Ambank yang mana pelanggan ialah pengarah, pemegang saham, pegawai atau penandatangan/orang yang dibenarkan;
- (d) Imej-imej yang diambil oleh kamera televisyen litar tertutup (CCTV) di cawangan, premis pejabat Kumpulan Ambank atau premis pihak ketiga (di mana terletaknya terminal layan-diri), apabila melawat cawangan atau premis pejabat Kumpulan Ambank atau terminal layan-diri di premis pihak ketiga;
- (e) Agensi-agensi pelaporan kredit dan sumber-sumber yang tersedia secara terbuka seperti carian melalui pihak berkuasa atau agensi kerajaan yang berkaitan;
- (f) Data Peribadi yang dikumpul oleh Kumpulan AmBank apabila pelanggan berinteraksi dengan atau menggunakan produk atau perkhidmatan Kumpulan AmBank atau terlibat dalam aktiviti promosi Kumpulan AmBank;
- (g) Data Peribadi yang dikumpul apabila pelanggan menggunakan ciri pengesahan biometrik untuk mengakses produk atau perkhidmatan Kumpulan AmBank (cth, pengesahan cap jari di cawangan atau pejabat AmBank, pengecaman wajah atau pengesahan ID wajah bagi perkhidmatan perbankan digital melalui peranti peribadi pelanggan seperti telefon mudah alih dan tablet);
- (h) Lain-lain entiti dalam Kumpulan AmBank; dan/atau
- (i) Mana-mana sumber yang lain yang mana pelanggan telah memberikan kebenarannya untuk tujuan-tujuan yang dimaksudkan tersebut.

Di mana pelanggan membekalkan Data Peribadi berkaitan pihak ketiga kepada Kumpulan AmBank (seperti waris terdekat atau penama), pembekalan Data Peribadi tersebut mengesahkan kebenaran telah diperoleh atau bahawa beliau berhak untuk membekalkan Data Peribadi pihak-pihak tersebut.

Pendedahan Data Peribadi


Kumpulan Ambank mungkin akan dikehendaki untuk mendedahkan Data Peribadi pelanggan kepada pihak-pihak ketiga yang berikut:

- (a) Ejen, penyedia perkhidmatan, vendor, institusi kewangan dan/atau penasihat profesional yang membantu kami dalam memproses, mentadbir, menyumberluar, memenuhi transaksi atau menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan bagi pihaknya atau untuk memenuhi perkhidmatan tambah nilai yang telah diminta oleh pelanggan;
- (b) Penasihat profesional dan perunding luar yang menyediakan perkhidmatan kepadanya, bagi tujuan keperluan perniagaannya, operasi, perundangan dan peraturan;
- (c) mana-mana orang yang diberi kuasa atau dilantik oleh pelanggan untuk memberi arahan kepada Kumpulan Ambank bagi pihak pelanggan seperti ejen, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat kewangan, broker dan perantara pelanggan;
- (d) mana-mana penjamin, penyedia keselamatan atau mana-mana orang yang berhasrat untuk melangsungkan sebarang wang belum dijelas di bawah kemudahan yang diberikan oleh Kumpulan Ambank kepada pelanggan;
- (e) mana-mana pihak ketiga yang timbul daripada penstrukturkan semula kemudahan yang diberikan kepada anda, penjualan hutang, pemerolehan atau jualan mana-mana syarikat oleh Kumpulan Ambank dengan syarat penerima menggunakan data pelanggan untuk tujuan yang sama seperti mana ia diberikan pada asalnya kepada dan/atau digunakan oleh Kumpulan Ambank;
- (f) saudagar dan fasilitator pemindahan dana elektronik berkaitan dengan mana-mana kad kredit/debit yang dikeluarkan kepada pelanggan oleh Kumpulan Ambank;
- (g) mana-mana agensi penarafan, agensi pelaporan kredit, penginsurans, broker insurans, penginsurans semula, pelaras kerugian atau penyedia pelindungan kredit secara langsung/tidak langsung dan sekiranya berlaku keingkaran terhadap kemudahan yang diberikan kepada pelanggan, kepada agensi kutipan hutang; and/atau
- (h) dengan lain-lain entiti dalam Kumpulan Ambank untuk tujuan yang digariskan dalam Notis Privasi ini, termasuk untuk produk dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat pelanggan; dan/atau
- (i) mana-mana pihak berkuasa dan/atau penguatkuasa kompeten, bagi perlaksanaan fungsi-fungsi mereka.

Hak-Hak Subjek Data

Data Peribadi wajib dan sukarela mungkin berbeza untuk pelbagai produk dan perkhidmatan seperti yang dinyatakan dalam borang permohonan. Pelanggan boleh memaklumkan Kumpulan Ambank secara bertulis untuk menarik balik kebenaran atau untuk menamatkan/mulakan pemprosesan Data Peribadi. Ini akan memberikan Kumpulan Ambank tempoh masa yang munasabah untuk melaksanakan permintaan yang sedemikian.

Walau bagaimanapun, sekiranya pelanggan memilih untuk menarik balik kebenaran dalam tempoh perjanjian kontrak sedia ada dengan Kumpulan Ambank yang mungkin menyebabkannya tidak berupaya untuk meneruskan perhubungan tersebut, Kumpulan Ambank



NOTIS PRIVASI



berhak untuk meneruskan kerja memproses data peribadi pelanggan selaras dengan obligasi kontrak sehingga semua obligasi dipenuhi.

Pelanggan boleh mengakses, membuat perubahan kepada dan/atau meminta penghantaran Data Peribadi mereka dengan melengkapkan Borang Permohonan Data Peribadi yang boleh didapati di cawangan atau laman sesawang Kumpulan Ambank, tertakluk kepada fi pemprosesan yang berkaitan di mana terpakai dan Kumpulan Ambank akan memaklumkan kepada pelanggan sebab-sebab jika permohonan yang sedemikian tidak dapat dipenuhi. Pelanggan boleh menghubungi yang berikut untuk sebarang pertanyaan:

Pusat Hubungan AmBank
Peti Surat No. 12617
50784 Kuala Lumpur
1300 80 8888 (Domestik)
(603) 2178 8888 (Luar Negara) (24 jam)
pdpa@ambankgroup.com

Pengekalan Data Peribadi

Kumpulan Ambank amat menekankan soal kepentingan memastikan keselamatan dan kerahsiaan Data Peribadi pelanggannya. Oleh itu, Kumpulan Ambank sentiasa menyemak dan melaksanakan langkah-langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini apabila memproses Data Peribadi pelanggan. Maklumat lanjut tentang kawalan keselamatan boleh didapati di Penyata Keselamatan Laman Web kami di www.ambankgroup.com.

Pengekalan Data Peribadi

Data Peribadi pelanggan akan dikenalkan selaras dengan Notis Privasi ini dan/atau terma dan syarat perjanjian dengan Kumpulan Ambank untuk sepanjang tempoh perhubungan tersebut atau untuk tempoh yang perlu bagi melindungi kepentingan Kumpulan Ambank dan pelanggan. Pengekalan sedemikian juga penting seperti yang dikehendaki oleh undang-undang atau selaras dengan polisi dalaman yang berkaitan.

Semakan kepada Notis Peribadi

Notis Peribadi ini mungkin akan disemak dari semasa ke semasa dan notis mengenai semakan yang sedemikian akan dipaparkan di laman sesawang dan/atau melalui lain-lain kaedah komunikasi yang dianggap sesuai oleh Kumpulan Ambank. Akses berterusan anda kepada atau penggunaan produk dan perkhidmatan Kumpulan Ambank, serta pembekalan Data Peribadi anda secara sukarela (termasuk Data Peribadi Sensitif), akan dianggap sebagai penerimaan dan persetujuan anda terhadap Notis Privasi yang telah disemak.

Kemas kini terakhir: 17 Mac 2025